

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah bilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) yang terkini dan apakah tindakan yang akan dibuat untuk memberhentikan perkhidmatan 6 buah pesawat A380 yang dikatakan tidak lagi sesuai untuk digunakan. Apakah strategi untuk pemulihan semula perkhidmatan dengan jayanya berikutnya suasana endemik sekarang apabila sektor penerbangan ke luar negara dibuka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini bilangan pesawat Malaysia Airlines Berhad (MAB) secara keseluruhan adalah sebanyak 80 buah termasuk 6 buah pesawat A380.

Pada Julai 2021, Malaysia Aviation Group Berhad (MAG) telah mengeluarkan notis tender bagi pihak yang berminat untuk membeli pesawat A380. Keputusan kumpulan MAG untuk tidak lagi memiliki pesawat A380 ini berikutan selesainya pelan penstrukturkan semula syarikat pada Mac 2021. MAG akan mengikut proses yang sewajarnya dalam penilaian bidaan yang diterima bagi tender pesawat A380 ini.

Strategi MAB adalah untuk kekal fokus dalam menyempurnakan pelan pemulihan MAB atau MAB “*Long Term Business Plan 2 (LTBP2)*” iaitu:

- i. menjadikan MAB sebagai sebuah syarikat penerbangan yang premium di rantau Asia Pasifik;
- ii. mendapatkan semula pasaran trafik domestik dan ASEAN;
- iii. mengadakan perhubungan perkongsian komersial dengan syarikat penerbangan dan syarikat bukan penerbangan yang lain;
- iv. mempelbagaikan sumber pendapatan dan keuntungan syarikat melalui penjanaan hasil daripada perniagaan seperti “*maintenance, repair and overhaul*” untuk Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Kargo, Bahagian Latihan dan juga Syarikat Pengendalian Darat (*Ground Handling*); dan
- v. menjurus kepada inisiatif pendigitalan.

SOALAN NO. 65

Mengikut kajian International Air Transport Association (IATA), jumlah penumpang dijangka akan pulih seperti tahun 2019 hanya pada tahun 2024. Oleh itu, pemulihan bagi perkhidmatan penerbangan bergantung kepada adanya ‘*travel corridors*’ seperti *Langkawi Travel Bubble* atau *Vaccinated Travel Lane* dan kadar vaksinasi, serta keadaan ekonomi yang menggalakkan industri pelancongan negara. Selain itu, adalah penting Kerajaan bagi negara-negara lain membuka sempadan negara masing-masing dan tidak mengenakan syarat-syarat yang ketat untuk kemasukan pelancong ke negara-negara tersebut.